

PEMBANGUNAN MODAL INSAN DAN TAMADUN ISLAM DARI PERSPEKTIF PENDIDIKAN GURU

Mustapha Kamal Ahmad Kassim, Zahiah Haris @ Harith & Abdullah Yusof

Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam
Akademi Pengajian Islam
Universiti Malaya, Kuala Lumpur
musza1968@yahoo.com.my

Abstrak

Kejayaan sesebuah tamadun negara amat berkait rapat dengan pelaksanaannya iaitu manusia. Manusia adalah sumber utama dalam menentukan kegemilangan sesebuah tamadun. Oleh itu manusia adalah modal yang paling berharga bagi sesebuah negara. Maka ianya juga disebut sebagai modal insan. Al-Quran adalah kitab yang diturunkan oleh Allah S.W.T kepada Nabi Muhammad S.A.W untuk mengajar kepada manusia bagaimana untuk menjadi modal insan yang berkualiti. Allah S.W.T yang menjadikan manusia, sudah tentu mengetahui kekuatan dan kelemahan manusia. Oleh sebab itu di antara ciri-ciri yang dinyatakan di dalam Al-Quran untuk menjana modal insan yang berkualiti ialah menguasai ilmu, berfikiran luhur, memiliki akhlak tinggi, bertoleransi, mempunyai daya saing dan sebagainya. Unsur kerohanian merupakan asas pembangunan modal insan yang wajar diberi keutamaan dalam kehidupan manusia. Manusia dapat meraih kemuliaan, kebesaran dan kebahagiaan dunia dan akhirat dengan beribadah kepada Allah S.W.T. Ini adalah kerana sifat semulajadi manusia memerlukan TuhanNya. Pembangunan modal insan juga berteraskan nilai akhlak yang mana seorang manusia mesti memiliki hubungan yang baik dengan PenciptaNya, sesama manusia dan alam sekitar yang merupakan matlamat dalam tamadun Islam. Matlamat tamadun Islam tidak pernah ditujukan kepada kemajuan sains dan teknologi dan segala prasarana, peralatan dan pembinaan fizikal yang terhasil darinya, tetapi penyempurnaan hakikat manusia dan kemanusiaan. Sehubungan itu, dalam kurikulum pendidikan guru, tamadun Islam diajar kepada guru pelatih dengan mendedahkan beberapa tajuk penting seperti konsep, ciri-ciri, dasar-dasar, prinsip-prinsip, matlamat, sumber-sumber dan keistimewaan tamadun Islam. Ini bertujuan untuk mengembangkan ilmu ketamadunan demi memajukan ilmu pengetahuan seluruhnya dengan menggabungkan penggunaan teknologi maklumat dan kemahiran berfikir. Begitu juga untuk membekalkan bakal pendidik dengan ilmu pengetahuan dan ketahanan diri yang membolehkan mereka memahami serta menghadapi pergolakan dunia dan cabaran sesama. Seterusnya untuk melahirkan bangsa yang bertamadun tinggi dan sanggup memperjuangkan nilai-nilai ketamadunan yang luhur dan murni. Justeru itu pembangunan modal insan melalui tamadun Islam dalam pendidikan guru dapat merealisasikan pembangunan modal insan sejagat.

Kata kunci : Pembangunan modal insan, tamadun Islam

Pendahuluan

Dalam Falsafah Pendidikan Negara (1988) menekankan agar dapat dilahirkan insan yang seimbang dan harmonis berdasarkan kepercayaan kepada Tuhan melalui sistem pendidikan negara. Melalui penegasan ini memberi pengertian bahawa para pendidik iaitu guru sewajarnya memahami dan menghayati mengenai konsep pembangunan insan dalam amalan sistem pendidikan negara ini. Keunggulan Islam dalam memahamkan persoalan insan, sememangnya sudah tidak dapat disangkalkan lagi. Tiga persoalan mengenai insan iaitu daripada saya datang, untuk apakah tujuan saya berada di atas muka bumi dan ke mana saya selepas ini. Hal ini merupakan persoalan yang masih belum dapat dijawab oleh mana-mana cendekiawan. namun al-Quran telah mengariskan jawapan untuk setiap persoalan di atas dengan secara jelas dan tepat (al-Qardhawy, 1981).

Konsep Insan Menurut Islam

Menurut al-Syaibani (1979) dalam bukunya Falsafah Pendidikan Islam menyatakan terdapat banyak ayat al-Quran secara jelas menerangkan hakikat insan dan terdapat juga ayat-ayat yang menerangkan secara tersirat. Ayat tersebut menjelaskan ciri insan, sumber, hikmah dan rahsia mengapa insan diciptakan, nasib terakhir mengenai hidup mereka di dunia, nasib mereka di akhirat dan lain.

Menurut al-Quran manusia adalah makhluk istimewa dan paling mulia kejadiannya. Al-Quran menggunakan istilah yang khusus bagi menggambarkan kesempurnaan ciptaan manusia. Dalam situasi yang lain Allah menyatakan bahawa Dia mencipta dan mengelokkan rupa bentuk mereka. Penciptaan manusia dari segi bentuk fizikal yang indah oleh Allah disempurnakan lagi dengan satu unsur yang abstrak iaitu unsur roh. Kejadian seindah ini telah dirakamkan oleh Allah dalam al-Quran yang bermaksud :

“Dan (ingatkanlah peristiwa) ketika tuhanmu berfirman kepada malaikat: “Sesungguhnya Aku hendak menciptakan manusia dari tanah liat yang kering, Yang berasal dari tanah kental yang berubah warna dan baunya. “Kemudian apabila aku sempurnakan kejadiannya, serta aku tiupkan padanya roh dari (ciptaan) Ku, maka hendaklah kamu sujud kepadaNya”. (Al-Hijr:28-29)

Keistimewaan kejadian manusia dari segi fizikal dan roh turut dilengkapkan dengan anugerah akal fikiran. Mulianya insan kerana memiliki akal yang boleh menguasai alam dan membawa rahmat kepada seluruh alam seperti yang telah dilaksanakan oleh para Nabi dan Rasul di samping keupayaan mereka memperolehi ilmu melalui deria dan ilham (al-Muhammady 1984) Ketiga-tiga aspek ini dan aspek lain seperti emosi merupakan pelengkap kepada kejadian manusia untuk menjalankan aktiviti-aktiviti pembangunan keinsanan. Dalam al-Quran ada menjelaskan bahawa manusia perlu terlebih melakukan perubahan terhadap diri sendiri. Antaranya ayat telah dinyatakan oleh Allah dalam surah al-Ra'd yang bermaksud:

“Sesungguhnya Allah tidak mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri”. (Al-Ra'd:11)

Sesungguhnya ayat di atas menjelaskan mengenai pembangunan insan dalam diri manusia itu sendiri. Manusia itu dicipta oleh Allah menurut fitrah kejadiannya.

Kesempurnaan kejadian manusia telah dinyatakan oleh Allah secara jelas dalam al-Quran mengenai kesempurnaan dan keistimewaan manusia sebagai *ahsanu taqwim*. Firman Allah dalam surah at-Tin yang bermaksud :

“Sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dalam bentuk yang sebaik-baiknya (dan berkelengkapan sesuai dengan keadaannya)”.(al-Tin:4)

Oleh itu adalah menjadi kewajaran bahawa insan yang bernama manusia tidak boleh melanggar fitrah kejadiannya dan sekiranya berlaku juga, ia telah menggugurkan keistimewaan fitrah kejadiannya seperti mana yang telah digambarkan oleh Allah dalam al-Quran yang bermaksud:

“Kemudian (jika ia panjang umur sehingga tua atau menyalahgunakan kelengkapan itu), Kami kembalikan dia ke serendah-rendah peringkat orang-orang yang rendah”. (al-Tin:5)

Pembangunan sesebuah komuniti masyarakat menurut Islam bermula daripada pembangunan insan itu sendiri. Seluruh potensi yang ada pada manusia perlu dipupuk diarahkan dengan betul. Proses pendidikan adalah agenda penting dalam masyarakat melalui pembinaan insan yang seimbang. Adalah menjadi harapan dengan lahirnya masyarakat yang bertamadun agar turut melahirkan dan membangunkan suatu generasi guru yang dapat memimpin anak didik yang beriman dan menghayati kehidupan beragama.

Konsep Modal Insan

Perkataan modal mengikut Kamus Dewan bermaksud sesuatu yang digunakan untuk mendapat sesuatu yang lain, idea atau buah fikiran. Namun dalam konteks ini, modal insan ialah keupayaan manusia memaksimumkan penggunaan diri mereka dalam mencapai sesuatu yang terbaik dalam segala aspek kehidupan mereka berlandaskan nilai-nilai kemanusiaan yang didapati dari ajaran Islam.

Manusia merupakan salah satu makhluk Allah yang dijadikan dari dua unsur utama iaitu jasmani dan rohani. Untuk menjadikan dua unsur ini berfungsi, manusia seterusnya dibekalkan akal. Namun akal manusia hanya akan berfungsi jika dipandu dengan ilmu. Kerana inilah ayat yang pertama dalam al-Quran diturunkan berkaitan dengan usaha supaya mencari ilmu. Ayat al-Quran yang telah diturunkan jelas menunjukkan segalanya bermula dengan amalan bacaan. Firman Allah yang bermaksud :

“Bacalah (Wahai Muhammad) Dengan nama Tuhanmu Yang menciptakan (sekalian makhluk), Ia menciptakan manusia dari sebuku darah beku. Bacalah, dan Tuhanmu Yang Maha Pemurah, Yang mengajar manusia melalui pena dan tulisan, Ia mengajarkan manusia apa Yang tidak diketahuinya”. (al-Alaq:1-5)

Dalam usaha melahirkan manusia yang memiliki kualiti yang tinggi, tiga perkara di atas perlu disuburkan dan disegarkan dan mereka saling berkaitan. Bermula dengan penyuburan minda atau akal, ia akan terus mempengaruhi dua unsur yang seterusnya. Islam sebagai satu cara hidup yang lengkap dan sempurna telah mengingatkan umat manusia supaya sentiasa mengimbangi keperluan rohani dengan jasmani secara adil bagi memperolehi ketenangan diri yang dizahirkan melalui akhlak yang mulia.

Asas-asas Pembangunan Modal Insan

Dalam ajaran Islam, asas ketauhidan dan kerohanian merupakan perkara yang diberi keutamaan dalam kehidupan manusia. Manakala unsur sampingan lain seperti politik, ekonomi, bahasa, sains dan teknologi, perindustrian, kebudayaan dikategorikan sebagai ranting atau cabang sahaja. Perkara ini bersesuaian dengan mesej kejadian manusia di muka bumi seperti mana firman Allah yang bermaksud :

“Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadah kepadaKu”. (al-Dzaariyat:56)

Dengan ibadah, manusia akan meraih kemuliaan, kebesaran dan kebahagiaan dunia dan akhirat, kerana sifat semulajadi manusia sentiasa memerlukan Tuhannya. Pembangunan insan yang dicorakkan oleh Islam perlu berteraskan kepada kekuatan rohani kerana nilai tersebut menghasilkan kuasa momentum yang efektif untuk membina peradaban manusia. Sebagai contoh, manusia perlu mengaplikasikan nilai akhlak dalam kehidupan seharian, melaksanakan dasar ekonomi berteraskan prinsip syara', membudayakan penghayatan ilmu di kalangan masyarakat dan sebagainya.

Namun demikian, kemuncak kepada kekuatan rohani hanya mampu dicapai oleh setiap individu muslim melalui amalan ritual seperti bermunajat kepada Allah melalui ibadah khusus. Keunggulan kuasa rohani dapat dilihat kepada sejarah pencapaian kegemilangan peradaban Islam yang lalu. Ilmuan Islam seperti al-Kindi, al-Khawarizmi, Ibnu Sina dan lainnya merupakan sebahagian daripada cendekiawan Islam yang telah berjaya mengasimilasikan nilai keagamaan dengan aspek-aspek keperluan manusia dalam satu sistem yang begitu sempurna.

Islam mementingkan asas pengetahuan dalam pembangunan modal insan. Penguasaan ilmu adalah pemangkin dalam proses menyuburkan potensi modal insan ke arah menghasilkan sumber tenaga manusia yang kompeten. Manusia telah diciptakan Allah sebagai makhluk yang dinamis, inovatif dan kreatif dalam mengharungi pelbagai rintangan dan cabaran dalam kehidupan. Umpamanya, dugaan Allah terhadap hambanya seperti bencana kemarau, kemiskinan, kegawatan ekonomi dan sebagainya mendorong manusia bersifat pro aktif menyelesaikan permasalahan yang dihadapi.

Hasil interaksi positif antara usaha manusia dengan alam sekeliling, mewujudkan hasil yang bersifat intelektual dan material. Jelaslah bahawa manusia yang dibangunkan tanpa asas ilmu akan menjejaskan peranan mereka sebagai *khalifatul ard*. Hakikat ini telah dijelaskan dalam al-Quran yang bermaksud :

“ Dan Sesungguhnya Kami jadikan untuk neraka jahanam banyak dari jindan manusia Yang mempunyai hati (Tetapi) tidak mahu memahami dengannya (ayat-ayat Allah), dan Yang mempunyai mata (Tetapi) tidak mahu melihat dengannya (bukti keesaan Allah) dan Yang mempunyai telinga (Tetapi) tidak mahu mendengar dengannya (ajaran dan nasihat); mereka itu seperti binatang ternak, bahkan mereka lebih sesat lagi; mereka itulah orang-orang Yang lalai”. (al-A'raf:179)

Akhlak merupakan sebahagian daripada asas penting untuk melahirkan modal insan yang berkualiti. Nilai akhlak melambangkan keperibadian sesuatu bangsa umat manusia dalam sesebuah peradaban. Kepentingannya dalam agama Islam menjadikan ianya antara objektif utama Rasulullah s.a.w. diutuskan di muka bumi ini. Nabi

Muhammad s.a.w. telah memperlihatkan keperibadian yang unggul dalam setiap tingkah laku baginda untuk dijadikan contoh kepada umatnya.

Dalam merangka sistem pembangunan manusia, Nabi Muhammad s.a.w. telah meletakkan akhlak sebagai unsur yang penting untuk diaplikasikan dalam keseuruhan kehidupan manusia. Sesungguhnya setiap tingkah laku manusia adalah dibataskan dengan kawalan nilai-nilai akhlak. Sejarah Islam telah melakarkan produk manusia yang dihasilkan melalui tarbiah Nabi Muhammad s.a.w. merupakan masyarakat yang hidup dalam harmoni disebabkan baginda berjaya menerapkan nilai akhlak dalam institusi masyarakat pada masa tersebut. Nilai akhlak dianggap sebagai kawalan sosial bagi umat Islam dalam memelihara tindak-tanduk individu melakukan sesuatu perkara yang bertentangan dengan kehendak agama dan norma-norma masyarakat.

Ciri-ciri Pembangunan Modal Insan

Dalam konteks agama Islam, manusia yang unggul adalah manusia yang memiliki keperibadian yang terpuji iaitu manusia yang sempurna dari segi hubungannya dengan Pencipta (vertikal) dan hubungannya dengan manusia yang lain termasuklah alam sekitar. Oleh itu, ciri-ciri untuk membangunkan modal seseorang insan dibahagiakan kepada beberapa bahagian utama iaitu :

Hablum Minallah

Hablum Minallah adalah merujuk kepada hubungan secara langsung antara manusia sebagai makhluk yang diciptakan, dengan Allah selaku Pencipta. Hubungan ini adalah hubungan pengabdian secara total kepada Allah dalam semua aspek kehidupan bermula dari melaksanakan kewajipan seperti solat, zakat, puasa, haji hinggalah urusan lain seperti muamalat, kemasyarakatan dan hubungan antarabangsa. Justeru seseorang yang berhati-hati dalam melakukan sesuatu pekerjaan agar sentiasa selaras dengan tuntutan ajaran Islam. Selain itu, dalam konteks perhubungan dengan Allah, konsep tawakkal merupakan suatu pendekatan yang positif.

Hablum MinanNaas

Konsep ini terpancar hasil dari kefahaman yang jitu terhadap konsep hablum Minallah. Tanpa adanya hablum Minallah, hubungan kemanusiaan akan porak peranda dan tidak memiliki matlamat yang sebenarnya dalam arah tuju kehidupan. Inilah antara cabaran terbesar manusia dalam komunikasi sesama insan yang akrab tanpa membawa kepada perbalahan mahu pun pertumpahan darah dalam kehidupan.

Justeru itu, Allah telah mengutuskan para Nabi dan Rasul bertujuan menyatukan umat manusia ke arah kehidupan yang aman damai tanpa mengira bangsa, warna kulit, keturunan dan sebagainya. Dalam hubungan antara agama, para Nabi dan Rasul telah menyediakan garis panduan dalam berkomunikasi dengan insan yang berlainan agama dan adat merangkumi aspek hak dan tanggungjawab, kebebasan bersuara, aspek kejiranan dan kesatuan dalam memelihara kedaulatan negara. Sebaliknya penghinaan terhadap agama lain adalah termasuk dalam perkara yang dilarang dalam agama Islam.

Konsep Tamadun Islam

Istilah tamadun merujuk kepada sifat yang abstrak dan universal, kehidupan seharian manusia yang berasaskan pengalaman rohaniah manusia yang dilihat dalam seni kreatif, seni bahasa, rekod perkembangan sosio ekonomi, kemajuan sains teknologi dalam sesebuah masyarakat.

Perkataan *tamadun* yang diguna pakai pada hari ini adalah berasal daripada perkataan bahasa Arab. Peminjaman istilah sebegini rupa adalah satu fenomena peminjaman yang tidak dapat dielakkan lagi dalam penggunaan bahasa seharian pada hari ini. Daripada sudut pembentukan kata-kata dalam bahasa Melayu, istilah '*tamadun*' pada peringkat awal penggunaannya dikekalkan sebutan asalnya dalam bahasa Arab iaitu '*tamaddun*'. Namun demikian, pada peringkat selanjutnya berlakunya perubahan sebutan dengan pengguguran huruf 'd' yang kedua. Maka dari situ kekadang menjadi sebutan sebagai *tamadun* sehingga ke hari ini.

Hal ini dapat difahami bahawa bahasa Melayu adalah termasuk dalam bahasa yang memiliki ciri-ciri morfologi yang mudah dan ringkas untuk disebut dan ditulis berbanding bahasa yang lain. Peminjaman istilah sebegini rupa tidak dapat dielakkan kerana merujuk kepada faktor kewujudannya di satu pihak dan faktor ketidakwujudannya pada satu pihak yang lain.

Perkataan tamadun berasal daripada kata terbitan '*maddana*' yang bererti 'pemilihan sesuatu lokasi sebagai tempat tinggal' dan 'membangunkan sesuatu kawasan hingga menjadi suatu perbandaran'. Perkataan '*maddana*' juga membawa pengertian 'hidup dalam suasana kehidupan orang bandar dan menikmati kehidupan yang maju'.

Perkataan tamadun telah melahirkan beberapa perkataan lain yang dapat menjelaskan lagi maksud yang diungkapkan. Dalam dunia penulisan Arab, terdapat beberapa istilah yang pernah digunakan selain istilah tamadun itu sendiri antaranya madaniyyah, umran, hadharah dan thaqafah.

Tokoh yang bertanggungjawab memperkenalkan perkataan tamadun ialah Jurji Zaidan iaitu seorang sejarawan Arab pada awal abad ke-19. Beliau menggunakan perkataan tamadun dalam bukunya Tarikh al-Tamaddun al-Islamiy yang telah diterbitkan antara tahun 1902-1906. Ini bermakna dalam rentetan sejarah, perkataan tamadun bukanlah perkataan pertama yang telah diperkenalkan bagi membincangkan konsep pembangunan, kemajuan, peradaban, pencapaian manusia dan kebudayaan.

Sebelum kemunculan perkataan '*tamadun*' sudah ada tiga perkataan lain yang pernah digunakan iaitu madaniyyah, umran dan hadharah. Perkataan '*madaniyyah*' telah diperkenalkan oleh al-Farabi pada abad ke-11 dalam kitabnya al-Siyasah al-Madaniyyah. Perkataan ini berasal daripada kata terbitan '*madinah*' yang bermaksud 'kota'. Madaniyyah ialah kehidupan yang berasaskan aqidah, syara' dan akhlak.

Perkataan ini turut digunakan pada kemudiannya oleh Muhammad Farid Wajdi dalam abad ke-20 seperti tercatat dalam kitabnya al-Madaniyyah wa al-Islam. Syeikh Muhammad Abduh melalui risalahnya al-Islam wa al-Nas wa al-Ilm wa al-Madaniyyah dan Tafsir al-Mannar turut menggunakan istilah madaniyyah sebagai pengganti penggunaan istilah tamadun.

Selain perkataan tamadun dan madaniyyah yang digunakan dalam menghuraikan pencapaian kehidupan manusia ketika itu, perkataan umran telah turut digunakan

misalnya yang diperkenalkan oleh Ibn Khaldun di dalam kitabnya al-Muqaddimah pada abad ke-14. Perkataan ini terus dipergunakan sehingga abad ke-19. Perkataan umran membawa pengertian 'bangunan' membawa makna sekumpulan manusia yang mendiami sebidang tanah yang mempunyai bekalan ekonomi yang mencukupi, keselamatan nyawa dan harta yang terjamin, yang membolehkan mereka mencapai kemajuan di dalam pelbagai bidang.

Selain perkataan umran yang digunakan oleh Ibn Khaldun, beliau turut memperkenalkan perkataan hadharah dalam kitabnya al-Muqaddimah. Perkataan ini bermaksud sekumpulan manusia yang tinggal kekal di sesuatu tempat atau kota atau wilayah dan tanah pertanian. Perkataan ini menjadi lebih terkenal dalam penggunaan mengenai pencapaian manusia pada abad ke-20.

Sesungguhnya perkataan hadharah ini ternyata lebih meluas penggunaannya khususnya apabila dihubungkan dengan kemajuan industri dan perdagangan berbanding istilah madaniyyah, umran dan tamadun. Secara umumnya hadharah adalah gambaran bagi kehidupan secara menetap yang berada pada tahap yang maju. Perkataan hadharah pernah digunakan secara meluas pada suatu ketika oleh sarjana Islam seperti Kurdi Ali di dalam kitabnya al-Islam wa al-Hadharah al-Arabiyyah.

Rumusannya, tamadun Islam adalah merupakan suatu tamadun yang telah diadun dalam bentuk antarabangsa. Ini dapat dibuktikan daripada pencapaian tamadun Islam itu sendiri di dalam pelbagai bidang kemajuan, terutama dalam bidang kesenian. Berbagai-bagai bentuk hasil kesenian dan senibina adalah lahir daripada tamadun Islam. Adunan ini berpandukan kitab perundangan Islam, iaitu al-Quran dan al-Hadis yang dilahirkan dalam satu bentuk tamadun pemikiran yang mempunyai sifatnya yang tersendiri. Ianya melambangkan keperibadian Islam yang terus berkembang untuk member sumbangan terhadap kehidupan manusia keseluruhannya.

Sumber Tamadun Islam

Al-Quran dan al-Sunnah

Al-Quran dan as-Sunnah merupakan sumber utama dalam pembinaan tamadun Islam. Ini kerana setiap tamadun yang berlaku memerlukan ilmu pengetahuan, kemahiran dan perubahan sikap. Wahyu yang pertama dengan jelas dan nyata telah menyaran agar manusia berusaha untuk membaca dan menulis bagi membasmi buta huruf, mencari dan meningkatkan pengetahuan di kalangan umatnya.

Al-Quran itu sendiri telah dijamin oleh Allah dari segi kesahihannya dan keterpeliharannya sejak di diturunkan sehinggalah datangnya hari qiamat nanti. Di dalamnya terkandung syariat yang lengkap, bahasanya yang indah serta ilmunya yang luas dan mendalam.

Manakala as-Sunnah pula dianggap sebagai wahyu yang kedua disamping al-Quran juga merupakan sumber tamadun Islam yang penting. Ianya berfungsi sebagai penjelas kepada al-Quran, serta memperkukuhkan kedudukan dan peranan al-Quran. Kedua-dua sumber ini merupakan pendorong yang kuat ke arah pembentukan sikap bagi mencari ilmu pengetahuan dan menghasilkan tamadun Islam.

Akal atau Pemikiran

Akal atau pemikiran pula adalah sumber pembinaan tamadun Islam yang kedua terpenting selepas al-Quran dan as-Sunnah. Ini kerana ilmu pengetahuan yang dikuasai oleh seseorang melalui akal fikirannya dapat membentuk dan melahirkan sesuatu yang baru dan menghasilkan tamadun. Manusia boleh membangun dan bergerak maju dengan menggunakan akal untuk melahirkan sesuatu tamadun.

Namun sekiranya akal digunakan untuk mereka cipta sesuatu yang boleh merosakkan keselamatan agama, maruah, keturunan, tubuh badan dan harta benda, maka ia boleh merosakkan dan memusnahkan tamadun manusia.

Penemuan dan Penciptaan Baru

Allah menganugerahkan kepada setiap hambanya dengan bakat tertentu. Kepelbagaian bakat yang ada pada manusia membolehkan mereka mereka cipta sesuatu mengikut kebolehan masing-masing. Umat Islam telah berjaya menghasilkan pelbagai ciptaan yang berpaksikan aqidah, syarak dan akhlak dan bersumberkan al-Quran dan as-Sunnah seperti teknologi pelayaran, penyelidikan angkasa lepas (falak), pertanian, saliran, timbangan, perubatan dan lain-lain. Kreativiti umat Islam meliputi penghasilan baru dalam bidang sains dan teknologi.

Penemuan ini adalah hasil daripada penyelidikan, penjelajahan dan penerokaan seluruh alam dari bumi hinggalah ke angkasa lepas. Penemuan ini merupakan sebahagian sunnatullah atau undang-undang Allah. Akhirnya segala penemuan ini akan menghasilkan penciptaan baru yang juga anugerah Allah terhadap manusia.

Pengubahsuaian dan Penyempurnaan Semula

Pengubahsuaian dan penyempurnaan semula merupakan sumber terakhir tamadun Islam. Umpamanya setelah wilayah Islam berkembang luas, umat Islam terdedah kepada pelbagai tamadun asing yang tinggi mutunya seperti tamadun Rom dan Parsi. Mereka telah melalui pencapaian yang tinggi seperti dalam bidang sains, perubatan, seni bina, pengurusan dan pentadbiran. Umat Islam tiada pilihan lain melainkan mempelajari dan menguasai pencapaian mereka itu. Selepas itu mereka melakukan pengubahsuaian dan penyempurnaan semula agar sesuai dengan aqidah, syarak dan akhla Islam.

Inilah beberapa keistimewaan dan uniknya sumber tamadun Islam. Tamadun lain lahir daripada satu sumber sahaja iaitu sumber alam, sebaliknya tamadun Islam lahir daripada pelbagai sumber yang disebut di atas.

Sifat Tamadun Islam

Kesejagatan

Sifat ini merupakan suatu sifat yang tidak terikat kepada mana-mana bangsa tertentu atau dikaitkan kepada tempat tertentu, bahkan milik seluruh manusia yang berpegang kepada agama Islam. Ianya dapat dilihat di mana sahaja tanpa disempadani oleh mana-mana sempadan geografi.

Keterbukaan

Sifat ini bermaksud tamadun yang dicipta itu tidak terbatas kepada had tertentu. Ianya diletakkan dalam panduan agama yang tetap dan berkembang dengan perubahan

masa. Keterbukaannya meliputi kepada semua tamadun yang lain selagi mana tidak bercanggah dengan syariah. Bahkan Islam menggalakkan penerusan tamadun yang membawa kebaikan kepada manusia dengan tidak menjejaskan hak orang lain.

Sepanjang zaman

Sifat ini bermaksud perkembangannya bermula dengan penurunan wahyu yang pertama dan tidak pernah berhenti. Ia tidak dibatasi oleh sempadan atau batas masa dan akan terus berkembang hingga hari ini.

Toleransi

Seterusnya sifat ini bermaksud bertolak ansur terhadap agama dan budaya lain. Sungguh pun tamadun Islam pernah berkembang dalam dunia yang tidak dikenali, ia tetap mempertahankan toleransinya terhadap agama dan budaya bukan Islam. Masyarakat bukan Islam yang berada di bawah perkembangan tamadun Islam tidak dilarang mengamalkan agama dan budaya masing-masing.

Kesatuan Dalam Kepelbagaian

Kesatuan dalam kepelbagaian juga merupakan sifat tamadun Islam. Sebarang bentuk kemajuan yang dicapai oleh tamadun Islam dalam pelbagai bidang disatukan oleh aqidah Islam yang menjurus mentauhidkan Allah. Penemuan dan hasil ciptaan baru yang dicapai oleh manusia dikembalikan kepada kebesaran Tuhan, pencipta alam seluruhnya

Peranan Tamadun Islam Dalam Membangun Modal Insan Dari Perspektif Pendidikan Guru

Kursus tamadun Islam telah diperkenalkan oleh Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pelajaran Malaysia kepada bakal guru pelatih yang mengikuti kursus perguruan dalam usaha membekalkan pengetahuan asas mengenai keagungan tamadun Islam yang telah berjaya membentuk peradaban manusia.

Pengajian ini penting kepada mereka agar mereka mengetahui keunggulan prinsip dan nilai hidup masyarakat Islam serta dapat membandingkan dengan kekuatan dan kelemahan masyarakat masa kini. Mereka perlu merencanakan strategi kecemerlangan bagi generasi masa depan. Aspek keinsanan perlu dibangunkan seiring dengan pembangunan modal insan dan perkembangan sains teknologi agar manusia tidak kehilangan nilai kemanusiaan.

Ianya diperkenalkan bagi menyedari pentingnya rumpun Malaysia terutamanya generasi muda dapat mengetahui latar belakang pemikiran, pembudayaan dan sejarah yang berlaku di Malaysia sehingga mampu mengubah 'world view' bangsa Malaysia.

Selaras dengan kedudukan agama Islam sebagai agama rasmi negara, sewajarnya setiap golongan rakyat memahami dan menghayati secara positif konsep-konsep dan prinsip-prinsip yang telah menentukan sikap dan cara hidup orang Islam dalam semua bidang.

Ianya juga diharapkan dapat mempertingkatkan kesedaran bakal guru mengenai peranan Islam dalam mewujudkan keharmonian dan kesejahteraan hidup dalam

masyarakat yang berbilang kaum di negara ini. Antara objektif kursus tamadun Islam yang diajar kepada guru pelatih di Institut Pendidikan Guru ialah :

1. mengembangkan ilmu ketamadunan demi memajukan ilmu pengetahuan seluruhnya dengan menggabungkan penggunaan teknologi maklumat dan kemahiran berfikir di dalam proses pengajaran dan pembelajaran.
2. membekalkan bakal pendidik dengan ilmu pengetahuan dan ketahanan diri yang membolehkan mereka memahami serta menghadapi pergolakan dunia dan cabaran global semasa.
3. melahirkan bangsa Malaysia yang bertamadun tinggi dan sanggup memperjuangkan nilai-nilai ketamadunan universal yang luhur dan murni.
4. memupuk persefahaman sejagat dan sikap hormat menghormati di kalangan rakyat Malaysia khususnya para pendidik yang pelbagai bangsa, keturunan dan budaya di negara ini.
5. memperkukuhkan jati diri Malaysia sebagai negara majmuk yang mengamalkan nilai-nilai murni dalam kehidupan.

Tamadun Islam merupakan mata pelajaran yang wajib dipelajari oleh bakal guru di setiap Institut Pendidikan Guru Malaysia. Kursus ini berorientasikan ilmu pengetahuan dan perubahan sikap, bukannya berpaksikan pendidikan untuk penganutan baru.

Ianya diwujudkan bagi menyediakan guru dengan pengetahuan dan kefahaman mengenai konsep dan prinsip tamadun Islam. Ianya juga menyediakan mereka untuk menyedari pencapaian dan sumbangan tokoh-tokoh terkenal dalam bidang-bidang tertentu ke arah kehidupan universal.

Adalah diharapkan mata pelajaran ini dapat menerapkan nilai-nilai tolak ansur dan berbangga terhadap inspirasi negara untuk membangunkan kehidupan yang berharmoni melalui pendidikan berasaskan Falsafah Pendidikan Negara. Sekiranya objektif di atas dapat dicapai dengan berkesan, ini bermakna berlakunya pembangunan modal insan yang mantap di kalangan guru pelatih di Institut Pendidikan Guru setelah mereka mempelajari kursus tamadun Islam tersebut.

Penutup

Pembangunan modal yang seimbang berdasarkan kehendak agama Islam menjadikan umat Islam dihormati oleh penganut agama lain. Kehidupan umat yang berpaksikan keagamaan dan mencontohi ketamadunan lampau turut menjadikan mereka umat yang akan dijadikan contoh teladan yang terbaik. Begitu jugalah bagi bakal guru, memahami peranan dan fungsi ketamadunan merupakan aspek terpenting untuk melahirkan dan membangunkan modal insan guru yang seimbang dan bertepatan dengan kehidupan beragama. Dalam mengejar kemajuan, pengimbangan antara pencapaian jasmani atau fizikal dan kerohanian perlu diberi penekanan. Sekiranya tidak berjalan serentak, maka berleluasalah perkara yang tidak diingini gejala keruntuhan akhlak, moral dan jenayah dan sebagainya.

Rujukan

-: (2006) *Mukadimah Ibn Khaldun*, (Terjemahan) Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
-: (2006) *Majlis Pengisytiharan Institut Perguruan Malaysia*. Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pelajaran Malaysia, Putrajaya.
- Al-Quran al-Karim.
- Al-Qardhawy, Yusuf : (1981) *Ibadah Dalam Islam*. Terjemahan : Hasan Idris. Yayasan Dakwah Islamiyyah Malaysia, Kuala Lumpur.
- Al-Syaibani, Omar Mohammad Al-Toumy : (1979) *Falsafah Pendidikan Islam*. Terjemahan Hassan Langgulung. Bulan Bintang, Jakarta.
- Ab. Alim Abdul Rahim dan Syed Idrus Syed Mat Zin : (1995) *Tamadun Islam*. Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd, Shah Alam.
- Abdul Rahman Nawas (et.al) : (1995) *Tamadun Islam*. Pustaka Haji Abdul Majid, Kuala Lumpur.
- Ali Md. Isa (t.t.) : *Definisi Tamadun*, Ilmu Kemanusiaan. Pusat Pengajian Luar Kampus USM, Pulau Pinang.
- Bahagian Pendidikan Guru : (2003) *Sukatan Pelajaran Tamadun Islam Kursus Perguruan Lepas Ijazah (Sekolah Rendah)*, Kementerian Pelajaran Malaysia, Putrajaya.
- Esa Khalid : (2001) *Konsep Tamadun Islam, Sains dan Teknologi*. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai Johor.
- M.A.J. Beg : (1980) *The Image of Islamic Civilization*. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Muhammad Idris Abdul Rauf al-Marbawi : (t.t.), *Qamus al-Marbawi*. Pustaka Nasional, Singapura..
- Mustafa Haji Daud : (1992) *Tamadun Islam*. Utusan Publications, Kuala Lumpur.
- Sheikh Abdullah Basmeih : (2000). *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran*. Darul Fikir, Kuala Lumpur.
- Teuku Iskandar : (2007) *Kamus Dewan Edisi Keempat* , Cetakan Kedua, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.